

21 JUN 1998

Mahathir-Penswastaan

PENSWASTAAN KERANA KERJAAAN KURANG WANG, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mengadakan projek-projek penswastaan kerana kekurangan sumber kewangan dan bukannya untuk mewujudkan jutawan.

Beliau berkata melalui penswastaan projek-projek pembangunan dapat digerakkan kerana syarikat-syarikat swasta dapat menyediakan infrastruktur yang diperlukan dengan lebih cepat lagi.

"Kerajaan terpaksa memberi syarikat-syarikat kerajaan tertentu kepada pihak swasta kerana badan-badan ini selalu rugi dan kadang-kadang penipuan berlaku juga," kata Presiden UMNO itu ketika menggulung perbahasan pada perhimpunan agung UMNO di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, melalui projek penswastaan pelbagai infrastruktur dapat disediakan seperti lebuh raya yang baik, lapangan terbang, pelabuhan dan penjana tenaga elektrik.

Kerajaan tidak berupaya menjalankan projek-projek itu dengan segera kerana kutipan cukai untuk pendapatan negara mengambil masa yang agak lama sedangkan kosnya tinggi, katanya.

Beliau berkata, sebilangan besar rakyat negara ini tidak perlu membayar cukai pendapatan kerana berada dalam kumpulan yang dikecualikan, dan ada juga yang mengelak daripada membayar cukai.

Sebaliknya kerajaan mendapat banyak hasil daripada cukai yang dibayar oleh syarikat-syarikat swasta, kata beliau.

Dr Mahathir berkata, kerajaan bukan sahaja mendapat hasil dengan menjual sesuatu projek kepada pihak swasta malah turut mengutip hasil melalui cukai dan wang itu dapat digunakan untuk menyediakan infrastruktur seperti jalan-jalan di luar bandar untuk faedah penduduk yang tidak membayar cukai.

Kerajaan memungut 28 peratus cukai daripada syarikat swasta. Sebagai contohnya jika satu syarikat mempunyai pendapatan RM2 juta, cukai yang dibayar kepada kerajaan ialah RM560,000, katanya.

"Kalau ada bumiputera yang mampu ambil alih haruskah kita kata jangan beri mereka, nanti mereka kaya.

"Kalau menyerahkannya kepada mereka, matlamat DEB lebih cepat tercapai," katanya.

Dr Mahathir menegur sikap sesetengah orang Melayu yang sanggup melihat bangsa lain menjadi kaya tetapi tidak mahu melihat bangsa sendiri menjadi kaya.

Katanya, sebahagian besar orang Melayu yang menjadi kaya melalui projek penswastaan sering membantu dengan menghulurkan pelbagai sumbangan dan derma bagi menunaikan tanggungjawab sosial mereka dan jika ada yang tidak berbuat demikian, mereka boleh dipanggil dan ditegur.

"Janganlah kerana ada satu dua yang lokek, kita hentikan penswastaan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan tetap menganggap pertanian sebagai sektor yang penting tetapi mahu sistem dan pendekatannya diubah supaya hasil pertanian dapat dilipatgandakan dengan hanya menggunakan sejumlah kecil tenaga.

Beliau turut menjelaskan bahawa anggota veteran UMNO ikhlas untuk menolong parti bagi memberi penerangan mengenai kegawatan ekonomi kepada orang ramai terutamanya di luar bandar.

Nasihat yang akan mereka berikan kepada parti bukanlah sesuatu yang mesti dipatuhi, katanya.

-- BERNAMA
AFY AD NMO